



PEROLEHAN SECARA TENDER TERBUKA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN TAWARAN

TARIKH IKLAN : 16 APRIL 2026 (KHAMIS)

Tawaran Tender adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MOF)** dalam kod bidang **050101** dan **050102** untuk mengambil bahagian di dalam tender seperti berikut:-

BUTIR-BUTIR TAWARAN	HARGA DOKUMEN (RM)	TARIKH/MASA/TEMPAT TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN DIJUAL	SYARAT PENYERTAAN TENDER	TARIKH TENDER DITUTUP
<p>[FTA (CPTPP)] - Tender Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji Dan Mentauliah Tiga (3) Unit Peralatan Perubatan <i>Blood Irradiator</i> Untuk Kegunaan Jabatan Perubatan Transfusi Di Hospital Queen Elizabeth II, Hospital Miri Dan Hospital Sibu Bagi Tempoh Kontrak Dua (2) Tahun (Maklumat lanjut sila layari laman sesawang: https://www.moh.gov.my) dan MyProcurement [Tawaran petender dibenarkan dalam BM/ENG]</p> <p>No. Jadual T/P&P : 63/2026</p>	300.00 (Tidak akan dikembalikan)	<p>Tarikh : 21 April 2026 (Selasa) Masa : 2.00 petang Tempat : Hospital Sibu</p> <p>Tarikh : 22 April 2026 (Rabu) Masa : 2.00 petang Tempat : Hospital Miri</p> <p>Tarikh : 23 April 2026 (Khamis) Masa : 2.00 petang Tempat : Hospital Queen Elizabeth II</p>	<p>Dokumen Tender boleh diperolehi/dijual selepas taklimat/lawatan tapak pada 28 April 2026 (Selasa) di alamat:</p> <p>Kaunter Tender Bahagian Perolehan dan Penswastaaan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Aras 7, Blok E7, Kompleks E, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62590 PUTRAJAYA</p> <p>pada waktu-waktu pejabat seperti berikut:</p> <p>Hari/masa: Isnin – Khamis 8.00 pagi - 1.00 ptg 2.00 ptg - 4.00 ptg Jumaat 8.00 pagi – 12.00 t/hari 2.45 ptg – 4.00 ptg</p>	<p>1) Petender DIWAJIBKAN untuk menghadiri sesi taklimat tender.</p> <p>2) Petender dikehendaki untuk mematuhi semua peraturan di bawah Akta Peranti Perubatan 2012 (Akta 737) dan mengemukakan salinan dokumen seperti berikut: i) Lesen <i>Establishment</i> dan ii) Sijil Pendaftaran Peranti Perubatan (MDA)</p> <p>3) Syarat menghadiri taklimat tender:</p> <p>Hanya PENAMA di dalam Perakuan Pendaftaran Kontrak (PPK)/Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan (MOF) SAHAJA yang boleh hadir ke sesi taklimat/lawatan tapak. Syarikat tidak dibenarkan mewakilkan pegawai lain. Petender hendaklah membawa bersama Cop Rasmi Syarikat, Sijil Pendaftaran Asal dengan Kementerian Kewangan dan Sijil Taraf Bumiputera (jika ada) berserta dengan salinan fotostat (tidak dikembalikan) semasa sesi taklimat berkenaan. PENAMA wajib membawa DOKUMEN di atas</p>	8 Jun 2026 (Isnin), jam 12.00 tengah hari

				<p>bagi mengesahkan kehadiran ke sesi taklimat tender.</p> <p>4) Petender HENDAKLAH memiliki Lesen Atom Kelas C di bawah Akta 304 Tahun 1984 yang dikeluarkan oleh Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (sama ada dimiliki oleh prinsipal atau <i>tendering agent</i>)</p> <p>5) Perolehan ini tertakluk kepada syarat CPTPP seperti berikut:</p> <p>(i) Hak Kerajaan untuk mengadakan rundingan tidak dalam apa-apa cara jua mengikat Kerajaan menyetujui terima keputusan rundingan;</p> <p>(ii) Pelawaan tender ini boleh dipertimbangkan perubahan (tambahan kuantiti/nilai kontrak) dan pelanjutan tempoh kontrak tidak melebihi 50% daripada nilai kontrak asal dan/atau maksimum dua (2) tahun termasuk untuk mengubah atau memendekkan tempoh tender tertakluk kepada peraturan semasa yang berkuat kuasa;</p> <p>(iii) Harga yang ditawarkan pembida juga adalah tertakluk kepada penentuan Keutamaan Harga (<i>Margin Of Preference</i> - MOP); dan</p> <p>(iv) Program Kolaborasi Industri (ICP) (jika berkaitan)</p> <p>6) Sebarang pertanyaan berkenaan taklimat sifa hubungi:</p> <p>Cawangan Perkembangan Perkhidmatan Perubatan, Unit Sumber Perubatan, Bahagian</p>	
--	--	--	--	--	--

				Perkembangan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia. No. Telefon : 03-8890 6045 / 03-8883 1130	
--	--	--	--	--	--

Tempat serahan Dokumen Tender hanya di:

**KAUNTER TENDER
BAHAGIAN PEROLEHAN DAN PENSWASTAAN,
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA,
ARAS 7, BLOK E7, KOMPLEKS E, PRESINT 1,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,
62590 PUTRAJAYA
No. Telefon : 03-8883 3995 / 3994 / 3991 / 3325**

**DOKUMEN TENDER YANG LEWAT TIDAK AKAN DITERIMA.
KEMENTERIAN INI TIDAK BERTANGGUNGJAWAB DI ATAS SEBARANG
KELEWATAN PENGHANTARAN DOKUMEN TENDER MELALUI POS LAJU /
COURIER.**

Pihak tuan adalah dimohon untuk mematuhi Pekeliling Perbendaharaan (PP)/Perolehan Kerajaan (PK) 2.2 perenggan 5.7(iii) dan perenggan 15.1(viii) dibaca bersama PP/PK5.1 Lampiran 4 perenggan 9.2 yang memberi maksud untuk **TIDAK memaparkan nama syarikat pada dokumen teknikal.**

Kementerian Kesihatan Malaysia tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun sebarang tawaran. Kementerian juga berhak untuk memilih keseluruhan atau sebahagian tawaran tender daripada mana-mana pembida yang menyertai tender.

Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dalam bentuk **Bank Draf atau Money Order sahaja** atas nama **Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan Malaysia.**

BAYARAN MELALUI WANG TUNAI/CEK/WANG POS TIDAK DITERIMA.

**PEMBEKAL-PEMBEKAL YANG INGIN MEMBELI DOKUMEN TENDER
DIWAJIBKAN MEMBAWA SIJIL PENDAFTARAN KEMENTERIAN
KEWANGAN MALAYSIA YANG ASAL BESERTA SALINAN (TIDAK
DIKEMBALIKAN) UNTUK PENGESAHAN PENDAFTARAN**

**Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia**